

Sabtu – 22 Ogos 2020

Halaman : 19

**PRK DUN Slim**

# ‘Wakil rakyat baharu diharap mudah didekati’

Pengundi Orang Asli mahu usaha positif bekas ADUN diteruskan

Oleh Rosman Shamsudin dan Noor Hidayah Tanzizi  
bhnews@bh.com.my

**Slim River:** Pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim meletakkan harapan tinggi supaya wakil rakyat baharu yang akan dipilih melalui Pilihan Raya Kecil (PRK) pada 29 Ogos ini, mampu menggantikan Allahyarham Datuk Mohd Khusairi Abdul Taib, 59.

Batin Kampung Orang Asli Changkat Ramu, Latah Merah, 62, berkata selain mudah didekati, wakil rakyat baharu yang

diinginkan diharap mampu meneruskan usaha positif yang dilakukan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Slim itu.

“Saya mewakili penduduk kampung amat berharap wakil rakyat baharu nanti mampu memberikan perkhidmatan terbaik seperti arwah (Mohd Khusairi), malah lebih daripada itu dalam meneruskan usaha dilakukannya sepanjang bergelar ADUN.

“Sebagai pengundi minoriti, kami berharap Orang Asli tidak dipinggirkan. Wakil rakyat juga harapnya mudah didekati dan tidak terlalu protokol supaya lebih mudah untuk menyelami masalah penduduk,” katanya.

Bagi generasi ketiga Felda Besut 1, Fatin Humairah Nor Hisam, 28, dia mahukan pemimpin yang berjiwa rakyat dan berwibawa, selain dapat memperjuangkan nasib generasi baharu tanah rancangan itu.

“Saya berharap wakil rakyat



**‘Wakil rakyat juga harapnya mudah didekati dan tidak terlalu protokol supaya lebih mudah untuk menyelami masalah penduduk.**

**Latah Merah,  
Batin Kampung Orang Asli  
Changkat Ramu**

baharu nanti boleh mendengar serta membawa suara rakyat terutama generasi baharu Felda Besut dalam isu penempatan,” katanya.

Penduduk Kampung Kuala Slim, Zalila Mohamed Sapi, 45, pula berkata, pemilihan wakil rakyat yang terbaik dan mampu menggalas tanggungjawab akan dinilai sepanjang 14 hari kempen PRK DUN Slim berlangsung.

“Saya harap wakil rakyat baharu nanti akan memperjuangkan nasib golongan kurang berkemampuan, ibu tunggal, warga emas dan anak yatim,” katanya.

PRK DUN Slim diadakan susulan kematian Mohd Khusairi yang juga Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim pada 15 Julai lalu.

Ia menyaksikan pertandingan tiga penjuru antara calon Barisan Nasional (BN), Mohd Zaidi Aziz dengan dua calon Bebas, S Santharasekaran dan Amir Khusairi Mohamad Tanusi.